

Headline **Kelemahan badan Islam hulur bantuan**  
Date **25 Aug 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **30**  
Article Size **424 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **12,008**  
PRValue **36,024**



# Kelemahan badan Islam hulur bantuan

## Ummah harus waspada usaha mempersoalkan kedudukan Melayu



**Rejal Arbee**

rejal@mcoba.com

**L**IPUTAN dibuat beberapa akhbar, termasuk akhbar maya jelas menunjukkan jurang yang semakin berpisah antara yang mendukung Melayu dan Islam dengan puak bukan Melayu, termasuk akhbar Cina dan portal berita maya seperti *Malaysian Insider* yang kelihatan cuba menghakis kedudukan Melayu/Islam.

Akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *Malaysian Insider*, misalnya buat beberapa ketika memaparkan penulisan yang mempersendakan tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) awal bulan ini ke atas Gereja Methodist Damansara Utama (DUMC). Mereka persoalkan apakah gereja tidak boleh melangsungkan majlis makan malam penghargaan/kesyukuran dan memberi bantuan kepada orang Islam?

Tidak siapa pun persoalkan perkara ini sekiranya ia diberikan dengan ikhlas tanpa ada muslihat lain. Apa perlunya sebuah gereja mengedarkan soal selidik mengenai Islam kepada mereka yang menerima bantuannya? Kenapa sebuah gereja Kristian mahu tahu tahap pemahaman agama Islam oleh orang Islam yang menerima bantuan mereka? Ini tidak pula mereka persoalkan.

Bagaimana agaknya reaksi mereka sekiranya ada pertubuhan Islam mengedarkan kaji selidik ke atas orang Kristian atau beragama Hindu yang mahu tahu tahap kefahaman mereka terhadap agama yang mereka anuti? Tentunya akan heboh sedunia.

Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyekat sebarang usaha untuk memurtadkan orang Islam. Bagaimanapun usaha puak tertentu daripada kalangan orang Kristian berterusan hingga mempersendakan peruntukan itu.

Walaupun usaha terang-terangan mungkin tidak ketara, tetapi pelbagai usaha halus menerusi program kebajikan membantu rak-

yat miskin, termasuk orang Melayu dan tuisyen bahasa Inggeris kepada murid Melayu berterusan dilaksanakan.

Sebenarnya memberi bantuan kepada rakyat miskin serta usaha mengajar bahasa Inggeris kepada murid sekolah tidak salah, malah harus dipuji. Malangnya dalam hal ini, ada gereja dan penganut Kristian dengan sengaja memasukkan unsur Kristian dalam usaha mereka yang tentu boleh menimbulkan syak wasangka terhadap matlamat sebenar melakukan perkara sedemikian.

Persoalannya kenapakah perkara demikian boleh saja dibiarkan berlaku? Kita juga harus sentiasa ingatkan puak bukan Melayu/Islam yang lantang pertahankan kedudukan mereka dan mahu semua menghormatinya, tetapi mereka sendiri tidak mahu menghormati kedudukan Melayu dan Islam dalam negara ini. Maka rakyat harus sentiasa berwaspada terhadap usaha puak demikian, termasuk akhbar dan laman web yang tidak habis-habis mempersoalkan kedudukan Melayu dengan memberi ruang luas kepada puak yang berterusan menggugat kedudukan Melayu dan Islam.

Sekiranya mereka menghendaki kedudukan mereka dihormati mereka juga perlu menghormati kedudukan Melayu dan Islam seperti termaktub dalam Perlembagaan tanpa melakukan hal yang boleh menghakis kedudukan Melayu serta menggugat kesucian agama Islam misalnya, atas nama kebebasan individu.

Dengan wujudnya budaya 'missionari' yang mendalam dalam kalangan orang Kristian, apakah kita boleh mengharapkan pengurusan pelbagai denominasi Kristian dalam negara ini sanggup secara sukarela memberitahu penganut mereka supaya tidak melakukan sebarang kerja demikian terhadap orang Melayu/Islam?

Maka Kementerian Dalam Negeri perlu bersikap proaktif memberitahu semua ketua gereja Kristian padah mempersendakan peruntukan Perlembagaan sekiranya mereka benar-benar mahu suasana harmoni dan ketenteraman an-

tara kaum dan agama berterusan wujud dalam negara ini.

Pihak gereja tentunya tidak akan menghalang aktivis mereka melakukan usaha mengkristiankan orang, termasuk Melayu. Ini bermakna orang Islam sendiri yang perlu proaktif supaya orang Melayu daif dan miskin, termasuk penghidap AIDS diberi bantuan tanpa banyak kerenah seperti dilakukan gereja. Malangnya, apabila dilihat daripada keadaan yang wujud sekarang tidak banyak yang boleh diharapkan daripada pertubuhan dan badan Islam sendiri kerana kita sememangnya tidak mempunyai budaya menjalankan kerja kebajikan sebagaimana giat dilakukan gereja.

Kita sebenarnya mempunyai prasarana yang amat luas untuk menentukan tidak akan wujud orang Islam miskin di mana-mana sekali pun. Kita sudah mempunyai bercambah surau dan masjid di seluruh pelosok negara seperti juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan tentunya badan ini boleh mengetahui siapa dalam kalangan kariah dan kampung masing-masing yang perlukan bantuan.

Urusan menghulurkan bantuan seharusnya dilakukan tanpa banyak kerenah tidak seperti apa yang berlaku di jabatan agama yang menetapkan pelbagai peraturan yang menyusahkan orang miskin dan mereka memerlukan pertolongan mendapat bantuan.

Hasil kutipan zakat bagi setiap negeri semakin meningkat. Kutipan zakat di Selangor dan Wilayah Persekutuan tahun lalu misalnya, sudah mencecah hampir RM600 juta. Apakah sebahagian daripada wang ini tidak boleh dihulurkan dengan mudah tanpa banyak kerenah kepada mereka yang benar-benar perlukan bantuan hingga boleh memberi ruang kepada gereja memikat mereka ini dengan kerja memberi makanan dan bantuan lain kepada orang Islam miskin?

Apakah ini tidak menunjukkan kegagalan badan agama dan Jabatan Kebajikan Masyarakat menangani masalah kemiskinan dan kesulitan hidup misalnya ibu tunggal yang ditinggalkan suami tidak

Headline	<b>Kelemahan badan Islam hulur bantuan</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>25 Aug 2011</b>	Page No	<b>30</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>424 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>12,008</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>36,024</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>		

bertanggungjawab serta orang miskin yang tidak berjaya mendapatkan pembelaan? Maka seorang ibu tunggal sanggup bertanya apakah dia perlu melacurkan dirinya untuk menyara anak?

Ini sebenarnya salah kita juga. Kenapa perlu diadakan peraturan seperti mengisi berkajang borang hanya untuk mendapat bantuan amat diperlukan? Kenapa jabatan agama di setiap negeri mempunyai dana Baitulmal yang besar tidak

boleh berusaha memudahkan orang miskin dan daif mendapat bantuan diperlukan?

Kenapa pertubuhan Islam seperti surau dan masjid yang sentiasa mengutip derma daripada jemaah tidak boleh bersikap proaktif mencari fakir miskin dalam kalangan kariah mereka untuk menghulurkan bantuan? Hanya kita yang tahu jawabannya.

**Penulis ialah Felo Kanan di UKM**

